

UTUSAN MALAYSIA
31 JANUARI 2010 (AHAD)

PTPTN perlu dana RM5b

PUTRAJAYA 30 Jan. – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) memerlukan dana sebanyak RM5 bilion setahun berbanding RM3 bilion sekarang bagi mengelakkan berlaku keciciran di kalangan pelajar yang layak menjelang tahun 2013.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, keperluan itu selaras dengan pertambahan peluang, tempat dan jumlah pelajar yang layak memasuki institusi pengajian tinggi (IPT).

“Kita percaya menjelang tahun 2013, PTPTN perlu mempunyai dana untuk memberi pinjaman kepada pelajar sebanyak RM5 bilion setahun.

“Maka, kita kini sedang membuat kajian bagaimana nak menentukan kelestarian PTPTN bukan hanya daripada segi menyediakan pinjaman yang mencukupi tetapi juga soal pengurusan organisasi yang mapan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Persidangan Real Undergraduate 2010 di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Yayasan Wiba Prima, Datuk Kamalia Ibrahim.

Persidangan sehari itu dianjurkan oleh Yayasan Wiba Prima, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Real Leaders Solution.

Mohamed Khaled berkata, PTPTN tidak boleh mengharapkan pembayaran balik pinjaman oleh pelajar yang tamat belajar untuk menampung keperluan semasanya.

Ini kerana, pembayaran itu bukan dibuat secara sekali gus tetapi bulanan berdasarkan kemampuan pelajar terbabit.

“Soal utama adalah kami perlu membantu mereka yang berada dalam kategori yang sepatutnya dibantu kerana sudah tiba masanya masyarakat tidak boleh melonggokkan semuanya kepada kerajaan,” ujarnya.